Utusan Borneo: 06 November 2026

Lelaki miliki parang di tempat awam dipenjara

SIBU: Mahkamah Sesyen Sibu semalam menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan satu sebatan terhadap seorang lelaki yang disabitkan memiliki senjata berbahaya iaitu parang di tempat awam.

Hakim Musyiri Peet yang menerima pengakuan bersalah tertuduh, Muhammad Adi Chendang, 40, kemudian mengarahkannya untuk mulai menjalani hukuman penjara itu daripada tarikh sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Adi didakwa memiliki senjata berbahaya iaitu sebilah parang di tempat awam di tepi jalan hadapan sebuah rumah di Jalan Punai pada 1 November 2026, jam lebih kurang 1 pagi.

Oleh itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1) Akta Bahan-Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958, yang memperuntukkan hukuman penjara sekurang-kurangnya lima tahun serta tidak melebihi 10 tahun dan sebatan.

Berdasarkan fakta kes, ketika pengadu sedang membuat rondaan cegah jenayah bersama pasukannya, mereka telah menerima panggilan memaklumkan seorang lelaki sedang mengamuk sambil memegang sebilah parang di Jalan Punai.

Setibanya di tempat kejadian, mereka mendapati seorang lelaki sedang memegang sebilah parang sepanjang lebih kurang dua kaki 2.5 inci di tepi jalan di hadapan rumah di Jalan Punai.

Siasatan yang dijalankan mendapati ketika kejadian, tertuduh mengaku berada dalam keadaan mabuk serta mempunyai sedikit salah faham dengan abangnya.

Tertuduh masuk ke dalam rumah serta mengambil sebilah parang dari dalam biliknya sebelum keluar semula dari rumah dengan tujuan untuk menakutkan abangnya dengan parang tersebut.

Bagaimanapun apabila tertuduh keluar dari rumah, abangnya sudah tidak lagi berada di situ.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Chrissie Ngiron Mijun, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.